



NAJIB Tun Razak bersama sebahagian pemimpin korporat pada Majlis Pengumuman Program Transformasi Ekonomi di Pusat Konvensyen Antarabangsa di Putrajaya, semalam.

7 projek baharu ETP dilancar

PUTRAJAYA 19 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan tujuh projek baharu dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) sebagai usaha untuk memperkukuhkan lagi aliran kemiskinan pelaburan ke negara ini.

Beliau berkata, dengan pelancaran tujuh projek baharu itu bersama lima projek yang telah dilancarkan sebelum ini, ia dijangka menjana pelaburan sebanyak RM11.16 bilion serta Pendapatan Kasar Negara

(PNK) sebanyak RM16.62 bilion selain mewujudkan 74,457 pekerjaan tambahan.

"Sebanyak 72 projek dalam 54 Projek Permulaan (EPP) diumumkan sehingga kini, yang bermakna 41.2 peratus daripada 131 EPP telah dimulakan, semuanya dalam tempoh kurang enam bulan sejak ETP dilancarkan.

"Secara terkumpul, kesemua projek ini dijangka menjana pelaburan berjumlah RM106.405 bilion

serta RM153.83 bilion dalam PNK dan 298,865 pekerjaan baharu," katanya ketika mengumumkan projek pelaburan ETP yang terkini, di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Tujuh projek baharu itu adalah penubuhan hak pembuatan perkakasan rumah elektrik dan rangkaian pengedaran antarabangsa, membina infrastruktur Pengenalan Frekuensi

Radio (RFID) bagi meningkatkan kecekapan pelepasan kontena, siaran digital multimedia bumi dan kajian asas perkhidmatan e-Kaunter.

Selain itu, ia turut membabitkan projek e-mel iMalaysia, mewujudkan kelompok kewangan dan pentadbiran perbankan Islam dan membangunkan pasar komuniti.

Dalam ucapan sama, Najib menyifatkan kesiapan golongan korporat yang tampil secara sukarela menandatangani ikrar Kewibawaan Kor-

porat dan Prinsip-prinsip Anti-Rasuah Korporat sebagai usaha meningkatkan tahap integriti dalam bidang perniagaan pada masa depan.

"Usaha mengurangkan amalan rasuah di alam perniagaan amat diperlukan untuk meningkatkan kepercayaan Malaysia menarik minat pelabur. Ia merupakan salah satu unsur ETP yang terpenting memandangkan Malaysia kini berada di persimpangan pembangunan ekonomi," katanya.

23 Inisiatif Penciptaan Kekayaan dan Ekosistem Negara

1. Menukar sisa buangan kelapa sawit kepada produk margin tinggi.
2. Menaik taraf tingkat sedia ada kepada panel yang mampu menjana tenaga.
3. Menghasilkan perisian yang mampu memantau corak penggunaan tenaga secara langsung sebagai pembantu menjimatkan tenaga.
4. Menghasilkan revolusi dalam landskap pembayaran melalui kerjasama Unik dengan Permodalan Sejahtera Sdn. Bhd. untuk menawarkan perkhidmatan transaksi kewangan kecil-kecilan dijalankan melalui kad kredit.
5. Menghasilkan teknologi terkini dalam industri diod pancaran cahaya (LED).
6. Bekerjasama dengan Universiti

7. Penghasilan produk gentian karbon oleh SIRIM
8. Penghasilan cat yang mampu membunuh serangga.
9. Teknologi reaksi rantai polimerase yang membantu menyalin dan mengamplifikasi asid deoksiribonukleik (DNA).
10. Penghasilan pengikat pelvis oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang bertujuan mengurangkan pendarahan dalaman pesakit trauma.
11. Penghasilan antena rata oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang lebih efisien.
12. Penghasilan ubat semula jadi oleh

- Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk mengubati kanser serviks.
13. Penghasilan kit diagnostik oleh Universiti Malaysia yang boleh mengesan penyakit denggi dalam empat jam.
14. Kerjasama Unik dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk membangunkan program yang boleh menggariskan inovasi dan memenuhi keperluan syarikat swasta yang besar.
15. Unik bekerjasama dengan Dyson Manufacturing untuk membangunkan program-program yang dapat meningkatkan inovasi pelabur.
16. Unik bekerjasama dengan Universiti Taylor untuk membangunkan pemecut (accelerator) makanan

- dan nutrisi inovasi bagi menghasilkan kerjasama antarabangsa antara golongan akademik, kerajaan dan industri dalam bidang penyelidikan makanan dan pemakanan.
17. Kerjasama dengan Steinbeis dari Jerman untuk merapatkan jurang antara kumpulan akademik dan industri.
18. Bekerjasama dengan agensi inovasi Sweden, Vinnova untuk menghasilkan inisiatif dalam mempromosikan inovasi dalam komuniti pendidikan dan perniagaan di Malaysia.
19. Usaha untuk menaik taraf Majlis Amanah Rakyat (Mara) dalam rantaian nilai melalui cara inovasi.
20. Bekerjasama dengan kampus

- Sunway. Universiti Monash membangunkan pemecut inovasi MyMAP untuk melakukan penyelidikan dalam bidang ubatan dan tumbuhan beraroma.
21. Melaksanakan program Alam Lab Inovasi Masjid (AKLIM) untuk mewujudkan pembelajaran berasaskan kandungan dan video di masjid-masjid tempatan.
22. Inisiatif pembelajaran berasaskan projek yang mengajar kemahiran berfikir secara kritikal, kreatif dan membina di kalangan pelajar sekolah rendah.
23. Unik bekerjasama dengan Universiti UCSD untuk mengamalkan strategi lautan biru dalam projek yang amat penting bagi mewujudkan ekosistem inovasi.